



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

18 Sep 2020 (Jumaat)

Berita Harian

Polis panggil Asri Janggut rakam keterangan isu perjudian 1

Utusan Malaysia

Kutipan turun, LZS potong elaun masjid, surau 2

Kosmo

Borhan, Mohd. Zawawi muka baharu Exco Selangor mulai Sabtu 3

Penjara mandatori pesalah alam sekitar 4

Antz Gaming Studio nadi para atlet e-Sukan Pulau Pinang 5

Sinar Harian

Dua ADUN angkat sumpah Exco 6

Waspada fenomena air pasang besar 7

The Star

MBPJ TAX REBATE 8

MBSA ON WHEELS 9

Temporary licence for roadside hawkers 10

MBPJ holds workshop on licensing of confinement centres 11

MPS charges RM50 for assessment transfer process 12

Kedah MB negative for Covid -19 after exposure 13

Asri janggut called up by police 14

New Straits Times

Selangor is committed to investors 15

The Sun

TWO PKR REPS APPOINTED TO SELANGOR EXCO 16

The Malaysian Reserve

Selangor asks federal govt to reconsider ECRL route 17



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 18 September 2020

| | | |
|--------------|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Polis panggil Asri Janggut rakam keterangan isu perjudian |
| Muka Surat | : | 20 |

Polis panggil Asri Janggut rakam keterangan isu perjudian

Kuala Lumpur: Pengasas Hot Burger Malaysia, Mohd Asri Hamid atau Asri Janggut, mengesahkan dipanggil polis untuk dirakam keterangan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Selangor, Selasa ini.

Mohd Asri berkata, ia bagi membantu siasatan kes kegiatan perjudian di Bandar Baru Sungai Buloh, yang ditularkannya sebelum ini.

"IPK Selangor hubungi saya sebentar tadi. Saya diminta untuk hadir beri keterangan di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah IPK Selangor.

"Percakapan diambil mengenai kes mesin judi di Sungai Buloh. Saya akan hadir bersama peguam," katanya pada *BH*, semalam.

Bulan lalu, Mohd Asri mendedahkan dua rakaman video menerusi laman sosial Facebook, berhubung apa yang didakwa sebagai aktiviti perjudian, penjualan rokok seludup dan perniagaan haram, di Bandar Baru Sungai Buloh.

Susulan pendedahan itu, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan seorang pengarah Jabatan Penguatkuasaan dan lapan pegawai Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Hasil siasatan Jabatan Integriti Pematuhan Standard (JIPS) Bukit Aman, kemudian mengenal pasti beberapa fakta tidak tepat yang didakwa menerusi video terbabit, selain tiada laporan menunjukkan pegawai dan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sungai Buloh terbabit dalam kegiatan berkenaan.



IPK Selangor hubungi saya sebentar tadi. Saya diminta untuk hadir beri keterangan di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah IPK Selangor.

Mohd Asri Hamid,
Pengasas Hot Burger Malaysia



| KERATAN AKHBAR 18 September 2020 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Kutipan turun, LZS potong elaun masjid, surau |
| Muka Surat | : | 25 |

Kutipan turun, LZS potong elaun masjid, surau

BICARA ZAKAT

Oleh **HAMIZUL ABDUL HAMID**

BARU-BARU ini tersiar di media, elaun masjid di Selangor dipotong. Berita itu menimbulkan perdebatan. Di manakah logiknya ia dipotong. Ada pihak dengan nada sarkastik membidas, demikianlah nasib institusi agama Islam. Tidak habis-habis ditimpa malang.

Lebih menyedihkan kerana ia berpunca daripada tindakan pengurusan zakat. Maka ada yang berhujah, pusat zakat sepatutnya membantu institusi agama. Apa lagi masjid dan surau adalah rumah Allah SWT. Masakan rumah Allah SWT dibiarkan tanpa dana.

Sebenarnya, tidak sukar untuk membaca naratif di sebalik semua ini. Senarionya sejernih air di dalam akuarium. Begini plotnya. Apabila pandemik Covid-19 melanda, ia sangat mengganggu perekonomian, baik lokal mahu pun global. Kesannya, banyak syarikat rugi besar. Banyak perniagaan ditutup. Ramai diberhentikan kerja. Pengangguran meningkat. Ringkas bukan?

Tetapi, apa kaitannya dengan zakat? Ya, kesan berantai fenomena ini kepada zakat ada dua. Pertama,

jumlah pembayar zakat (termasuk kutipan zakat) akan menurun. Kedua, jumlah penerima zakat pula akan meningkat. Jika diibaratkan graf, ia adalah graf yang bersilang. Agihan menukik ke atas, kutipan menjunam ke bawah.

Dalam agihan zakat, Islam mempunyai keutamaannya. Allah SWT menggariskannya di dalam al-Quran, surah at-Taubah ayat ke-60. Ada lapan asnaf dan Allah SWT membahagikannya kepada dua golongan. Golongan pertama yang diutamakan, dan golongan kedua yang ditakhirkan. Istilah fikahnya, asnaf *muqaddam* dan asnaf *muakkhar*.

Asnaf *muqaddam* terdiri daripada fakir, miskin, amil (pengurus zakat) dan muaf (dilonakkan hatinya kepada Islam). Asnaf *muakkhar* pula terdiri daripada *riqab* (hamba atau orang yang terbelenggu), *gharimin* (orang berhutang), *fisabilillah* (berjihad di jalan Allah) dan *ibnu sabil* (orang yang ketiadaan belanja dalam perjalanan).

Apabila berlaku sesuatu peristiwa luar jangka hingga mengganggu kutipan zakat, pengagihan zakat juga terganggu. Kita ibaratkan seperti pintu yang mempunyai lapan daun pintu, maka apabila ada keperluan mengelakkan mudarat yang lebih besar, maka pintu itu akan ditutup satu persatu.

Pintu yang perlu ditutup lebih awal ialah pintu *ibnu sabil*, kedua (pintu *fisabilillah*), ketiga (pintu *gharimin*), keempat (pintu *riqab*), kelima (pintu muaf), keenam pintu amil, ketujuh sudah tentu (pintu miskin) dan kelapan (pintu fakir). Dengan ini, fakir dan miskin menjadi golongan yang paling lambat terkesan.

Fuqaha membahagikan keperluan manusia mengikut tahap tertentu. Imam as-Syatibi misalnya, membahagikannya kepada tahap *daruriyat* (asasi), *hajiyyat* (kesenangan dan kemudahan) dan *tahsiniyat* (kesempurnaan hidup).

Dalam kondisi kutipan zakat yang menyusut, pusat zakat tidak mampu menampung perkara-perkara bersifat *tahsiniyat*. Memberi elaun masjid dan surau adalah perkara *tahsiniyat*.

Masjid dan surau masih mempunyai sumber pendapatannya sendiri. Oleh itu, pihak pengurusan zakat tidak boleh dipersalahkan atas keputusan ini.

Ya adalah suatu tindakan yang betul, memandangkan golongan fakir dan miskin adalah kumpulan manusia paling terjejas dengan kemelut ekonomi hari ini.

Ustaz Hamizul Abdul Hamid,
 Pengurus Sekretariat Dakwah
 dan Dai Lembaga Zakat Selangor.
 Beliau boleh dihubungi di
hamizul@zakat.selangor.com.my



MEMBAYAR zakat kepada institusi zakat dapat membantu meningkatkan agihan kepada asnaf.



KERATAN AKHBAR
18 September 2020

| | | |
|--------------|---|--|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Borhan, Mohd. Zawawi muka baharu Exco Selangor mulai Sabtu |
| Muka Surat | : | 7 |

Borhan, Mohd. Zawawi muka baharu Exco Selangor mulai Sabtu

KLANG - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Sepat, Borhan Aman Shah dan ADUN Sungai Kandis, Mohd. Zawawi Ahmad Mughni dilantik sebagai anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Selangor yang baharu berkuat kuasa Sabtu ini.

Bagaimanapun, portfolio bagi kedua-dua mereka dari pada PKR itu akan ditentukan kemudian.

Kedua-dua mereka mengangkat sumpah jawatan di hadapan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Alam Shah di sini semalam.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, portfolio bagi kedua-dua Exco baharu akan diketahui pada minggu depan.

Katanya, tiada rombakan besar-besaran akan dilakukan tetapi hanya melibatkan portfolio yang perlu diganti sahaja.

"Mungkin saya akan umumkan pada minggu hadapan ataupun dalam masa terdekat selepas berbincang dengan pihak-pihak terbabit.

"Rombakan tidaklah 'major' (besar) hanya akan melibatkan portfolio yang diganti atau diubah, mungkin melibatkan

portfolio saya dan beberapa Exco yang lain," katanya selepas majlis angkat sumpah pelantikan tersebut di sini semalam.

Berdasarkan rekod, portfolio yang belum diisi adalah Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan selepas ADUN Selat Klang daripada Bersatu, Datuk Abdul Rashid Asari ditamatkan pada Mac lalu berikutan penajajaran semula politik di peringkat Persekutuan.

Sementara, portfolio Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar kosong selepas ADUN Lembah Jaya, Haniza Mohamed Talha dilucutkan keahliannya daripada PKR pada Julai lalu.

Dalam pada itu, Mohd. Zawawi dalam kenyataannya di sini semalam menzahirkan penghargaan kepada Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Majlis Pimpinan Negeri susulan mandat dan amanah yang diberikan kepada beliau.

"Saya akan berusaha untuk sentiasa berlaku adil dan saksama tanpa mengira fahaman agama dan politik dan memberi yang terbaik untuk kepentingan rakyat dan pembangunan negeri ini," katanya.



BORHAN



MOHD. ZAWAWI



| KERATAN AKHBAR 18 September 2020 | | |
|---|---|--|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Penjara mandatori pesalah alam sekitar |
| Muka Surat | : | 10 |

Penjara mandatori pesalah alam sekitar



Analisis Semasa

Bersama
MAHFUZ MOHAMAD

"KETIADAAN air memang menyusahkan saya sekeluarga, lebih-lebih lagi kami tidak dimaklumkan lebih awal oleh pihak berkaitan."

Itulah luahan salah seorang penduduk negeri Selangor, Muhd. Rafie Rasol, 29, yang mengeluh akibat insiden terbaharu gangguan bekalan air di beberapa daerah di Selangor minggu lalu disebabkan pencemaran Sungai Gong, Rawang.

Isu pencemaran sungai hingga mengakibatkan gangguan bekalan air yang menjejaskan kira-kira 5 juta penduduk di Selangor dan Kuala Lumpur itu bukanlah perkara baharu.

Kelemahan penguatkuasaan undang-undang dan kesedaran sesetengah pihak mengenai kepentingan penjagaan kebersihan sungai serta alam sekitar dikatakan punca utama kepada permasalahan ini.

Sikap sesetengah pihak yang suka membuang sampah merata-rata juga mencerminkan betapa pemikiran masyarakat masih lagi terkebelakang.

Selain itu, pembangunan yang

tidak terkawal di kawasan hulu sungai seperti projek pembinaan perumahan dan aktiviti pembuangan sisa kilang juga dipercayai antara punca kepada permasalahan ini berlaku.

Ia secara tidak langsung menunjukkan kelemahan pada sistem pengurusan serta penguatkuasaan pihak berkuasa berkaitan dalam hal ini.

Langkah kerajaan untuk menambah baik Akta Industri Perkhidmatan Air & Akta Kualiti Alam Sekeliling dilihat dapat membendung masalah pencemaran sungai dan alam sekitar yang boleh mengakibatkan kesengsaraan kepada masyarakat

Penasihat Persatuan Aktivis Sahabat Alam, Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata, sudah tiba masanya kerajaan mengambil serius permasalahan ini demi kepentingan negara.

Bagaimanapun, beliau menyarankan pihak berkuasa agar menguatkuasakan undang-undang sedia ada terlebih dahulu sebelum penambahbaikan akta dilaksanakan kerajaan.

"Apa yang penting sekarang, pihak berkuasa perlu menguatkuasakan peruntukan undang-undang sedia ada dan jika tambah baik akta sekalipun tapi tiada penguatkuasaan, maka tiada makna ia dipinda.

"Sebagai contoh, di dalam Kanun Tanah Negara jelas menyatakan rizab sungai tidak boleh

diceroboh, tapi kebanyakan daripada kawasan ini telah dibangunkan kerana kelemahan penguatkuasaan," katanya.

Sementara itu, aktivis Alam Sekitar, Profesor Dr. Maketab Mohamed berkata, hukuman penjara mandatori perlu dikenakan kepada mereka yang melakukan pencemaran sungai hingga menjejaskan kepentingan awam.

"Pendek atau panjang tempoh penjara tidak menjadi isu, tapi yang penting adalah hukuman tersebut perlu dilaksanakan secara mandatori mungkin dalam satu hingga lima tahun.

"Jika didapati bersalah, maka tertuduh mesti dipenjarakan baru orang ramai takut," ujarinya.

Selain itu, Maketab menyarankan supaya sistem pengurusan lebih sistematik dapat diwujudkan agar kualiti air sungai dapat pertingkatkan.

"Kaedah lebih sistematik perlu dilaksanakan dengan tidak membenarkan kilang baharu dibina di kawasan hilir sungai sumber air mentah loji rawatan air.

"Sementara kilang-kilang lama terutamanya yang mempunyai air sisa tercemar, perlu diarahkan untuk berpindah bagi meningkatkan kualiti air," jelasnya.

Di samping itu, beliau turut menggesa agar pihak kerajaanewartakan semua kawasan tadahan air supaya kualiti air sungai mencapai tahap terbaik iaitu kelas 1.



KERATAN AKHBAR

18 September 2020

| | | |
|--------------|---|---|
| Akhbar | : | Kosmo |
| Tajuk Berita | : | Antz Gaming Studio nadi para atlet e-Sukan Pulau Pinang |
| Muka Surat | : | 45 |



ANTZ Gaming Studio yang berkeluasan 1,400 kaki persegi dengan konsep santai itu juga merupakan pusat latihan atlet untuk Sukma dan Masum.



ANTZ Studio Gaming merancang menyediakan konsol permainan video PlayStation 5 (PS5) selain mempunyai bilik streaming dan saluran YouTube sendiri.

Antz Gaming Studio nadi para atlet e-Sukan Pulau Pinang

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

MEMPUNYAI minat mendalam terhadap sukan elektronik (e-Sukan) telah memberi ruang kepada anak muda ini mengorak langkah untuk meningkatkan pembangunan industri e-Sukan dalam kalangan peminat permainan video kompetitif itu di Pulau Pinang.

Bekas penuntut Diploma Perbankan Islam di sebuah kolej swasta, Zulhilmi Salim, 29, berkata, dia yang bermula sebagai pemain e-Sukan FIFA memiliki pengalaman selepas menyertai beberapa kejohanan di Pulau Pinang sejak dua tahun lalu.

Malah, Zulhilmi pernah tersenarai sebagai 32 pemain terbaik daripada 200 peserta dalam pertandingan Rah Rah Russia pada tahun 2018.

Menurutnya, idea membuka pusat e-Sukan yang dikenali sebagai Antz Gaming Studio di Bayan Lepas, Pulau Pinang adalah disebabkan sambutan membarangsangkan terhadap permainan video dalam kalangan anak muda di negara ini.

Katanya yang juga peminat pasukan Liverpool, Antz Gaming merupakan perniagaan keluarga yang diusahakan bersama isteri, Nurin Najmina Fauzi, 30, dan bertujuan untuk menggilap bakat peminat e-sukan FIFA dan Pro Evolution Soccer (PES) di negeri ini sekali gus melahirkan lebih ramai pemain bertaraf profesional.

"Sejak beroperasi pada Februari tahun ini, lebih 300 pemain e-Sukan telah digilap bakat menerusi tiga penganjuran kejohanan FIFA dan PES yang diadakan di studio ini sejak Julai lalu. Terbaharu,



ZULHILMI (kanan) dan isterinya, Nurin Najmina berusaha menjalankan perniagaan permainan video selain bertujuan menggilap bakat-bakat baharu dalam e-Sukan di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

kami menganjurkan FIFA Malaysia Day yang disertai seramai 22 peserta pada 16 September lalu.

"Menerusi penganjuran sebegini, kita berpeluang mengetengahkan e-Sukan ke peringkat lebih tinggi selain melahirkan lebih ramai pemain sukan elektronik yang berasal dari Pulau Pinang," katanya ketika ditemui *Kosmo!* di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Zulhilmi mendedahkan, studio yang berkeluasan 1,400 kaki persegi dengan konsep santai itu juga dijadikan sebagai pusat latihan dua atlet masing-masing bertanding untuk Sukan Malaysia (Sukma)

dan Majlis Sukan Universiti Malaysia (Masum).

"Saya hanya bertindak sebagai pemerhati dan mereka (atlet) menjadikan studio ini sebagai medan latihan sebelum menghadapi perlawanan sebenar.

"Pada masa sama, studio ini juga berpotensi menjadi sebuah platform untuk mengasah bakat peminat-peminat sukan elektronik dengan menjadikan atlet sebagai 'role model,' ujarnya yang turut menambah, sambutan luar biasa diterima daripada pelanggan selepas tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa pertama Mac lalu.

Mengenai cabaran dalam menyediakan perkhidmatan e-Sukan, anak kelahiran Pulau Pinang itu memberitahu, pelbagai usaha telah dilakukan bagi menarik minat golongan muda terhadap sukan tersebut termasuklah kekerapan penganjuran kejohanan, pemberian hadiah yang lumayan serta diskaun istimewa buat pelanggan.

"Selain memberi tumpuan terhadap permainan video, pemain juga berpeluang menemui lebih ramai rakan sekali gus berkongsi minat yang sama. Sukan ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran tetapi dapat mengamalkan gaya hidup sihat.

| |
|---|
| Zulhilmi Salim |
| • Usia: 29 Tahun |
| • Asal: Pulau Pinang |
| • Kelulusan akademik: Diploma Perbankan Islam dari Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (Kuis) |
| Kejohanan yang disertai: |
| 1. Tournament by Gamesbond (2017) |
| 2. Rah Rah Russia by Gamesbond (2018) |
| 3. Mini Tournament Tuah Gaming Studio (2019) |
| 4. Mini Tournament Smart World Studio (2020) |
| Kejohanan anjuran Antz Gaming: |
| 1. Antz Fifa & PES (11 Julai 2020) |
| 2. Antz Fifa Tournament (30 Ogos 2020) |
| 3. Fifa Malaysia Day (16 Sept 2020) |

"Kami berharap agar e-Sukan setanding dengan sukan dunia yang lain serta melahirkan lebih ramai atlet kebangsaan yang beraksi di pentas dunia," jelasnya.

Tambah Zulhilmi, studio berkenaan juga menawarkan perkhidmatan servis, menyewa permainan video PS4 serta menjual cakera padat dan aksesori permainan video.

Jelasnya, Antz Studio Gaming merancang menyediakan konsol permainan video PlayStation 5 (PS5) sebaik dilancarkan November nanti selain mempunyai bilik streaming dan saluran YouTube sendiri.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 18 September 2020

| | | |
|--------------|---|-----------------------------|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Dua ADUN angkat sumpah Exco |
| Muka Surat | : | 25 |

Dua ADUN angkat sumpah Exco

FOTO: BERNAMA



Borhan menandatangani surat cara pelantikan Exco Selangor di hadapan Sultan Sharafuddin pada Istiadat Angkat Sumpah Jawatan dan Ikrar Aku Janji serta Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Exco Selangor di Balairung Seri Istana Alam Shah semalam.

Mohd Zawawi,
Borhan angkat
sumpah jawatan
di hadapan Sultan
Selangor

KLANG

Dua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) Selangor yang baru dilantik semalam mengangkat sumpah jawatan di hadapan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah di Istana Alam

Shah di sini.

Pelantikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Sepat, Borhan Aman Shah dan ADUN Sungai Kandis, Mohd Zawawi Ahmad Mughni, kedua-duanya daripada PKR, berkuat kuasa Sabtu ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari yang ditemui pemberita selepas istiadat mengangkat sumpah berkenaan berkata, portfolio kedua-dua Exco tersebut akan ditentukan kemudian.

Setakat ini, portfolio Kebudayaan dan Pelan-

congan, Peradaban Melayu dan Warisan kosong apabila perkhidmatan ADUN Selat Klang daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Datuk Abdul Rashid Asari ditamatkan Mac lepas berikutan penajajaran semula politik di peringkat Persekutuan.

Selain itu, khidmat Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar yang dijalankan oleh ADUN Lembah Jaya, Haniza Mohamed Talha telah ditamatkan pada Julai lepas selepas keahlian beliau dalam PKR dilucutkan.

- Bernama



KERATAN AKHBAR
18 September 2020

| | | |
|--------------|---|-----------------------------------|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Waspada fenomena air pasang besar |
| Muka Surat | : | 25 |

Waspada fenomena air pasang besar

SHAH ALAM - Penduduk negeri ini yang tinggal di kawasan pesisir pantai atau berhampiran diingatkan berhati-hati terhadap ramalan fenomena air pasang besar dijangka berlaku pada September sehingga November ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, lima daerah dijangka terkesan akibat fenomena terbabit melibatkan daerah Klang, Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.

Menurutnya, ia dijangka melanda pada tarikh 19 dan 20 September sekitar 7.16 pagi dan 7.53 pagi, pada Oktober iaitu pada 17, 18 dan 19 Oktober dalam anggaran jam 6 hingga 7.30 pagi serta pada 15 November dan 16 No-



AMIRUDIN

vember sekitar jam 5.40 pagi dan 6.25 pagi.

“Mengikut maklumat diterima, tahap ketinggian maksimum dijangkakan mencecah 5.8 meter dan juga pada tahap-tahap tertentu,” katanya menerusi siaran video di platform Media Selangor di sini semalam.

Beliau berkata, fenomena itu juga akan mengakibatkan limpah-

Lima daerah dijangka terkesan akibat fenomena berkenaan iaitu daerah Klang, Kuala Langat, Sepang, Kuala Selangor dan Sabak Bernam.”

an air di kawasan daratan dan berkemungkinan menyebabkan banjir di lokaliti-lokaliti berhampiran laut.

“Mereka yang tinggal berhampiran dengan pantai harus berhati-hati, elakkan aktiviti di tepi pantai dan bersedia dengan sebarang kemungkinan yang mungkin wujud daripada fenomena air pasang besar ini,” katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



| KERATAN AKHBAR 18 September 2020 | | |
|---|---|-----------------|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | MBPJ TAX REBATE |
| Muka Surat | : | 2 |

MBPJ TAX REBATE

Petaling Jaya City Council (MBPJ) is offering assessment tax rebates for homeowners who have made their homes more environmentally friendly. Deadline is Oct 16. For details, download the form at <https://bit.ly/33j6FOb> or call MBPJ's Solid Waste Management and Public Cleansing Department at 03-7954 1440.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



| KERATAN AKHBAR 18 September 2020 | | |
|---|---|----------------|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | MBSA ON WHEELS |
| Muka Surat | : | 2 |

MBSA ON WHEELS

Shah Alam City Council is bringing its mobile office to Tesco Setia Alam, Section U13, Shah Alam from 11am to 5pm on Sept 19. Services provided include payments for assessment, parking compound and complaint submissions. For details, visit www.mbsa.gov.my



| | | |
|--------------------------|---|--|
| KERATAN AKHBAR | | |
| 18 September 2020 | | |
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Temporary licence for roadside hawkers |
| Muka Surat | : | 2 |

Licensed to trade

In a move to help those whose livelihoods have been affected by the Covid-19 pandemic, all local councils in Selangor are offering temporary business permits for street stalls. However, traders are reminded to strictly adhere to the conditions imposed by the respective councils or risk having their licence revoked. >2&3

By BRENDA CHNG
 brenda@thestar.com.my

THE Covid-19 pandemic that led to the movement control order (MCO) in March has taken a toll on the people, with some losing their jobs. With jobs being scarce, the Selangor government has introduced a programme where temporary business licences are issued by the local councils to Malaysians who wish to set up roadside stalls to sell home-cooked food.

This move is to ensure that they operate legally and adhere to regulations set by the respective local councils.

Under normal circumstances, those planning to set up a hawker stall would have to apply for a business licence in person at the relevant council. This process takes time.

With the licensing programme which started in June, council officers visit trading sites and licences are issued immediately.

This is to help those whose livelihood has been affected by the pandemic, to carry on with their businesses without any problems.

Selangor local government, public transport and new village development committee chairman Ng Sze Han said all local councils in the state were taking part in the programme and issuing temporary licences.

"I hope this move will help those who really need it and enable them to earn some money to support their families."

"Those who are given business licences must not misuse them, such as making profit from renting the licence out to others," said Ng. He warned that this was a net, one offence and stern action would be taken against culprits.

He said the hawkers must comply with the rules and regulations set by the respective local councils. "They are also required to renew their temporary licences and there is no excuse not to do so."

The renewal process at the councils may differ. "Some may require the temporary licence holders to renew every month or every three months."

"These issuing matters must find out the terms and conditions and take the necessary steps," he added.

On a positive note, Ng said the state government had decided to extend the issuance of temporary business licences until Dec 31 next year.



(Above) MBSA officers issuing temporary business licences to roadside hawkers in Sungai Buloh. —Photos: LOW LAV PHION/The Star

Temporary licence for roadside hawkers

Councils in Selangor hope legalising of stalls will help traders stay afloat amid Covid-19 pandemic

Business opportunity

At Subang Jaya Municipal Council (MPSJ), a total of 503 temporary business licences for roadside hawkers in Subang Jaya have been issued since June to help them earn a living during the MCO. Segar Ellagan, 56, who sells nasi lemak, said he was grateful to MPSJ for giving him a chance to operate a stall after losing his job a few months ago.

"I worked as a personal driver but due to unforeseen circumstances, my employer could not afford

to pay me any longer and moved back to Johor after suffering business losses.

"Since then, I have been trying to find another job but to no avail."

"I was desperate and I have a family to take care and with my wife's help, decided to sell nasi lemak near our house in Taman Kinrara, Puchong," said Segar.

"We are new to this area and hope business will pick up."

Segar and five other roadside hawkers along Jalan TK 4/10 were given temporary business licences and will operate there until MPSJ

finds a suitable location for them. The licences were also issued to hawkers in Subang Jaya, Kinrara, Puchong, Putra Heights, Seri Kembangan and Sri Serdang.

The hawkers along Jalan TK 4/10 received their licence from MPSJ president Nourain Rodan.

She said the number of applicants for roadside stalls had increased since the recovery MCO was implemented on June 10.

"We want to help those affected by the pandemic to earn an income."

"MPSJ officers have been mobilised to go to trading sites and look into stalls that we can legalise," said Nourain.

"Instead of them coming to us, we are going to them."

"The pandemic has led to unavailability of stalls and the people need all the help they can get."

"Since June, our officers have been going to the ground to see to those operating roadside stalls."

She said that when giving out licences, factors taken into consideration included the location of the stalls and traffic situations.

